

## **BAJET 2009: Garis Panduan Memohon Pengecualian Duti Import dan Cukai Jualan Ke Atas Peralatan Bagi Menjana Tenaga Daripada Sumber Yang Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy*)**

### **Pengenalan**

Dalam Bajet 2009, galakan berikut diberi untuk memperluaskan penggunaan tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui:

- i. Pengecualian duti import dan cukai jualan diberi kepada pengimport peralatan sistem solar fotovoltaik termasuk penyedia perkhidmatan fotovoltaik yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
- ii. Pengecualian cukai jualan ke atas pembelian peralatan sistem pemanasan solar daripada pengeluaran tempatan.

### **Kriteria Kelayakan Permohonan**

1. Permohonan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan sistem solar fotovoltaik layak dipertimbangkan jika memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Pemohon adalah merupakan syarikat penyedia perkhidmatan atau pengimport peralatan RE yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) dan peralatan yang dipohon telah mendapat pengesahan peralatan RE daripada ST.
- ii. Pemohon hendaklah mendapatkan surat pengesahan peralatan RE daripada Suruhanjaya Tenaga terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan.
- iii. Peralatan yang dipohon adalah untuk kegunaan pengguna terakhir (*end user*).

2. Permohonan pengecualian cukai jualan ke atas sistem pemanasan solar dipertimbangkan jika memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Peralatan sistem pemanasan solar dikeluarkan oleh pengeluaran tempatan.
- ii. Peralatan yang dipohon adalah untuk kegunaan pengguna terakhir (*end user*).

- iii. Pemohon hendaklah mendapatkan surat pengesahan peralatan RE daripada Suruhanjaya Tenaga terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan.

### **Tempoh Permohonan Pengecualian**

Permohonan untuk galakan ini diterima mulai **30 Ogos 2008** hingga **31 Disember 2010**.

### **Prosedur Permohonan**

- i. Borang permohonan (PC Services 2007) boleh diperolehi di laman web [www.mida.gov.my](http://www.mida.gov.my)
- ii. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

Ketua Pengarah  
Lembaga Kemajuan Industri Malaysia  
Blok 4, Plaza Sentral  
Jalan Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
**50470 KUALA LUMPUR**  
(u.p: Bahagian Industri Perkhidmatan dan Perniagaan)

Tel: 03 – 2267 3633  
03 – 2274 3633

Faks: 03 – 2274 7970  
Email: [mida@mida.gov.my](mailto:mida@mida.gov.my)